

BERNAMA - Untung bersih IGB REIT naik 116.4 peratus kepada RM83.38 juta pada suku ketiga 2022

Clipped from: <https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2134894>

03/11/2022 07:53 PM

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Keuntungan bersih IGB Real Estate Investment Trust (IGB REIT) melonjak 116.4 peratus kepada RM83.38 juta pada suku ketiga berakhir 30 Sept 2022 daripada RM38.54 juta dalam tempoh yang sama tahun lepas, yang dikaitkan dengan sokongan sewa yang lebih rendah.

Hasil meningkat 46.3 peratus kepada RM140.12 juta bagi suku semasa berbanding RM95.80 juta pada suku yang sama pada 2021.

Pendapatan hartanah bersihnya ialah RM101.19 juta, peningkatan 80.9 peratus daripada RM55.92 juta sebelumnya, kata syarikat pelaburan hartanah runcit itu dalam makluman kepada Bursa Malaysia.

"Jumlah hasil, pendapatan hartanah bersih dan keuntungan bersih yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh sokongan sewa yang lebih rendah yang diberikan kepada penyewa pada suku semasa berikutan pembukaan semula ekonomi dan peningkatan jualan runcit penyewa," katanya.

Bagi sembilan bulan terkumpul berakhir 30 Sept 2022, IGB Reit berkata keuntungan bersihnya melonjak 99.3 peratus kepada RM252.23 juta berbanding RM126.56 juta sebelumnya.

Hasil ialah RM407.69 juta, peningkatan 45.6 peratus berbanding RM280.2 juta sebelumnya, manakala pendapatan hartanah bersihnya ialah RM314.61 juta, meningkat 73.4 peratus daripada RM181.44 juta pada suku ketiga 2021.

Mengenai prospek, syarikat itu berkata industri runcit dijangka kekal cergas buat masa ini, di tengah-tengah risiko inflasi yang lebih tinggi, lebih banyak kenaikan kadar faedah dan kemungkinan kemelesetan yang boleh mengurangkan lagi pendapatan dan perbelanjaan boleh guna pengguna.

"Melewati 2022, pertumbuhan jualan runcit dijangka kembali normal. Oleh itu, IGB REIT akan kekal berdaya tahan dan kekal komited untuk membawa nilai jangka panjang bagi pemegang kepentingan kami," katanya.

-- BERNAMA